

Empat juta belia terima manfaat BPN

LABUAN: Lebih 4 juta penerima dikalangan belia berumur 40-tahun ke bawah menerima manfaat langsung daripada Bantuan Prihatin Nasional (BPN).

Menurut Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr. Santhara Kumar Ramanaidu, jumlah itu belum termasuk bantuan one-off, subsidi upah, bantuan dana PKS dan sebagainya sebagai bukti kesungguhan Kerajaan membantu warga belia serta generasi muda.

“Kita sedar ramai golongan belia terjejas akibat ketidakstabilan ekonomi yang melanda dan menyedari impak dan kesan COVID-19, kerajaan telah pun menyusun atur dan merencan semula masa depan ekonomi yang juga melibatkan asas kepada keperluan dan aspirasi generasi muda.

“Usaha ini sudahpun diterajui oleh kepimpinan kerajaan hari ini dengan pelaksanaan PRIHATIN, Prihatin Tambahan dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), kesemuanya meliputi hasrat menjaga dan memelihara kepentingan seluruh rakyat merangkumi generasi muda,” katanya.

Selain itu katanya, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama Kementerian Belia dan Sukan telah memperkenalkan ‘Inisiatif rentas Kementerian’ iaitu model



GIMIK: Santhara (tengah) bersama Pengerusi Perbadanan Labuan Datuk Seri Amir Hussien menyempurnakan gimik pelancaran.

dan kaedah kerjasama yang lebih kemas iaitu lima Inisiatif Usahawan Muda Kota.

“Inisiatif ini merupakan penyediaan ruang perniagaan (kiosk) kepada 1,122 usahawan anak muda kota di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan reka bentuk yang moden, teratur, kemas dan bersih di 169 lokasi strategik di KL dan Putrajaya.

“Kementerian Wilayah Persekutuan juga menyediakan pelbagai sokongan dan bantuan bagi membantu anak muda dan masyarakat Wilayah Persekutuan dalam menghadapi keadaan yang sukar antaranya Bantuan kit makanan asas khusus untuk warga Labuan yang terputus mata pencarian selain penerima bantuan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

(MAIWP) dan Pengecualian enam bulan bayaran sewa premis niaga milik Perbadanan Labuan dengan jumlah keseluruhan RM1,036,110 yang memanfaatkan 774 penjaja dan peniaga kecil berlesen,” katanya semasa merasmikan Majlis Sambutan Hari Belia Negara Dan Penyampaian Anugerah Belia Perdana Belia Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2020, semalam.

Tambahnya, generasi muda sendiri harus menjiwai aspek perjuangan dan kerja keras merangkumi elemen jati diri, semangat bersaing, kesungguhan mencari ilmu dan kemahiran yang mesti datang daripada dalam jiwa belia sendiri.

“Memang benar, kerajaan boleh menyediakan peruntukan, ruang dan peluang, namun ia lebih bermakna jika

belia sendiri bangkit dan bingkaskan mempertingkatkan potensi mereka sendiri.

“Gaya hidup dan cara bekerja yang dahulu perlu berubah sesuai dengan keadaan semasa, saya percaya bahawa belia pada hari ini juga telah menerima, menghayati dan mengambil bahagian dalam norma-norma baharu kehidupan yang telah diperkenalkan,” katanya.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan Anugerah Perdana Belia Negara Tahun 2020 untuk Kategori Individu lelaki dan individu wanita serta Kategori Pertubuhan Belia.

Bagi Kategori Individu (Lelaki), johan dimenangi Mohammadthir Malik dari Pertubuhan Belia Belawanis Bukit Kuda (PBBBK) dan naib johan Mohd. Izuandi Jaludin dari Persatuan Belia dan Belawanis Kampung Pohon Batu (GAPOBA).

Bagi Kategori Individu (Wanita) pula, johan dimenangi Noor Azila Saftu dari Kelab Belia Anak Layangan (KEBAL) dan naib johan dimenangi Nurul Syakinah Sairan dari Kelab Belia Patau-Patau 2 (KBPP2).

Bagi Kategori Pertubuhan Belia, johan diungguli Kelab Belia Anak Layangan (KEBAL) manakala Naib Johan pula dimenangi Pertubuhan Belia dan Belawanis Kampung Sungai Lada (BELADA). — Penerangan Labuan